

# Angkasa hargai peranan media

## Sumbang 300 pek Kit Ramadan kepada Sinar Harian

Oleh ROSKHOIRAH YAHYA

**SHAHALAM** - Angkatan Koperasi Kebangsaan Malaysia Berhad (Angkasa) menyampaikan sebanyak 300 pek Kit Ramadan kepada petugas Karang kraf di sini pada Isnin.

Sumbangan itu disampaikan oleh Presiden Angkasa, Datuk Seri Abdul Fattah Abdullah kepada Ketua Pengarang Kumpulan Sinar Harian, Zamri Rambli.

Abdul Fattah berkata, pemberian itu sebagai tanda menghargai peranan media sebagai perantara antara Angkasa dengan masyarakat.

Menurutnya, pihak media banyak mempromosikan gerakan operasi sehingga dikenali ramai.

"Kita tahu rakan-rakan media, waktu terbuka mereka tidak sempat pulang ke rumah kerana komitmen tugas. Oleh sebab itu sumbangan ini diberikan sebagai tanda



Abdul Fattah (depan, empat dari kanan) menyerahkan Kit Ramadan kepada petugas Sinar Harian di Karang kraf, Shah Alam pada Isnin.

persahabatan dan penghargaan kepada mereka.

"Media banyak membantu dalam mempromosikan Angkasa serta memperkenalkan kami kepada masyarakat.

"Hasil sokongan tersebut, kini semakin ramai orang mengenali Angkasa dan memahami peranan gerakan koperasi. Malah koperasi semakin menjadi pilihan utama bagi mereka yang ingin memulakan perniagaan," ujarnya kepada Sinar Harian.

Turut hadir Pengerusi Jawatankuasa Angkasa Negeri Selangor, Datuk Mohd Alias Hamzah.

Tambah Abdul Fattah, selain media Angkasa turut menyantuni komuniti dan ahli masyarakat yang kurang bernasib baik dengan menyalurkan sumbangan sama ada barangan asas atau bakul makanan sempena bulan Ramadan.

Jelas beliau, sumbangan ini sekurang-kurangnya dapat membantu merin-

gankan beban mereka dalam menghadapi kos sara hidup yang semakin meningkat.

"Setiap tahun kami memang akan ada sumbangan sempena bulan puasa. Ia bukanlah sesuatu yang baharu kerana telah dimulakan sejak awal tahun 2010.

"Menerusi program tersebut, Angkasa memperuntukkan kira-kira RM500,000. Jumlah penerima manfaat bergantung kepada situasi mereka dan melibatkan ke seluruh negeri," jelasnya.